



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA
MAC 2024**

Inflasi Malaysia kekal 1.8 peratus pada Mac 2024

PUTRAJAYA, 25 April 2024 - Inflasi Malaysia kekal 1.8 peratus pada Mac 2024 dengan mata indeks mencatatkan 132.2 berbanding 129.9 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini mengenai keluaran **INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), MAC 2024**.

Peningkatan inflasi pada Mac 2024 telah didorong oleh Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (3.0%); Restoran & Perkhidmatan Penginapan (3.0%); Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (2.6%) dan Pengangkutan (1.3%). Namun begitu, peningkatan ini telah diimbangi dengan kumpulan utama yang merekodkan peningkatan lebih perlahan iaitu Kesihatan (2.1%); Makanan & Minuman (1.7%) dan Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (1.5%).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut berkata, peningkatan 3.0 peratus berbanding 2.7 peratus pada Februari 2024 bagi Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain disumbangkan oleh kelas perbelanjaan Bekalan air yang meningkat kepada 31.4 peratus pada Mac 2024 (Februari 2024: 28.8%). Negeri Kedah telah menaikkan kadar tarif perkhidmatan bekalan air bagi kategori pengguna domestik bermula Mac 2024 berbanding negeri lain yang telah melaksanakan kadar tarif baharu pada Februari 2024.

Kumpulan Makanan & Minuman yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP mencatatkan peningkatan lebih rendah iaitu 1.7 peratus

pada Mac 2024 (Februari 2024: 1.9%). Subkumpulan utama Makanan di rumah meningkat 0.3 peratus pada bulan Mac 2024 (Februari 2024: 0.5%). Sementara itu, subkumpulan utama Makanan di luar rumah meningkat kepada 3.5 peratus, kadar yang sama direkodkan pada Februari 2024.

Inflasi kelas perbelanjaan Bijirin & produk bijirin meningkat kepada 2.0 peratus pada Mac 2024 (Februari 2024: 2.5%). Ini disumbangkan oleh Beras basmati yang meningkat perlahan 0.4 peratus berbanding 1.0 peratus pada Februari 2024. Manakala, Tepung beras meningkat kepada 9.6 peratus (Februari 2024: 8.8%).

Inflasi kelas perbelanjaan Susu, produk tenusu lain & telur mencatatkan peningkatan perlahan 1.4 peratus pada bulan Mac 2024 (Februari 2024: 2.3%). Kenaikan yang lebih rendah telah dicatatkan oleh item perbelanjaan Susu segar 2.4 peratus (Februari 2024: 2.5%). Sementara itu, inflasi bagi kelas perbelanjaan Minyak & lemak kekal pada jajaran negatif iaitu negatif 0.1 peratus pada Mac 2024 (Februari 2024: -0.2%).

Inflasi bagi kelas perbelanjaan Daging meningkat perlahan kepada 0.2 peratus pada bulan Mac 2024 (Februari 2024: 0.5%). Daging ayam segar yang merupakan komponen terbesar merangkumi 32.6 peratus dalam kelas perbelanjaan Daging mencatatkan penurunan kepada negatif 1.1 peratus (Februari 2024: -0.7%). Purata harga Ayam standard di peringkat Malaysia pada Mac 2024 adalah RM10.28 sekilogram berbanding RM10.40 sekilogram pada bulan Mac 2023 (Februari 2024: RM10.29).

Kenaikan bagi inflasi Restoran & Perkhidmatan Penginapan kepada 3.0 peratus (Februari 2024: 2.9%) disebabkan oleh peningkatan Perkhidmatan penyediaan minuman 3.7 peratus (Februari 2024: 3.4%). Dalam masa yang sama, inflasi Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan mencatatkan peningkatan 2.6 peratus (Februari 2024: 2.5%) didorong oleh peningkatan subkumpulan Barangan peribadi lain, 9.8 peratus (Februari 2024: 8.6%). Selain itu, inflasi Pengangkutan pula meningkat 1.3 peratus pada Mac 2024 berbanding 1.2 peratus pada Februari 2024. Peningkatan tersebut disumbangkan oleh subkumpulan utama Pengurusan peralatan pengangkutan persendirian yang

meningkat kepada 1.4 peratus pada Mac 2024 (Februari 2024: 1.3%). Purata harga petrol tanpa plumbum RON97, harga yang ditetapkan pada bulan Mac 2024 adalah RM3.47 seliter berbanding RM3.35 seliter pada bulan Mac 2023 (Februari 2024: RM3.47).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut berkata, berhubung dengan inflasi di peringkat negeri, kebanyakan negeri merekodkan peningkatan di bawah paras inflasi nasional 1.8 peratus. Walau bagaimanapun, lima negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Pulau Pinang (3.0%), Sarawak (2.9%), Pahang (2.1%), Selangor (2.1%) dan Perlis (1.9%). Kesemua negeri mencatatkan peningkatan inflasi Makanan & Minuman. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Selangor (3.2%), diikuti oleh Pulau Pinang (2.8%), Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.6%), Sarawak (2.1%), Perlis (2.1%) dan Wilayah Persekutuan Labuan (2.0%). Sementara itu, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi Makanan & Minuman nasional iaitu 1.7 peratus pada Mac 2024.

Inflasi keseluruhan secara bulanan merekodkan kenaikan marginal 0.1 peratus berbanding 0.5 peratus yang telah dicatatkan pada Februari 2024. Antara kumpulan utama yang mencatatkan peningkatan secara bulanan ialah Restoran & Perkhidmatan Penginapan (0.4%); Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (0.4%) dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (0.3%). Sementara itu, inflasi bagi suku tahun pertama 2024 mencatatkan peningkatan 1.7 peratus (ST4 2023: 1.6%). Bagi perbandingan suku tahunan, inflasi Malaysia mencatatkan peningkatan 0.7 peratus (ST4 2023: 0.2%). Sementara itu, inflasi teras meningkat pada kadar yang perlahan iaitu 1.7 peratus berbanding 1.8 peratus pada bulan Februari 2024. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh kumpulan utama Makanan & Minuman dan Restoran & Perkhidmatan Penginapan yang kedua-duanya mencatatkan 3.0 peratus pada Mac 2024.

Bagi perbandingan inflasi dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia (1.8%) adalah lebih rendah berbanding Vietnam (4.0%), Filipina (3.7%), Amerika Syarikat (3.5%), Republik Korea (3.1%) dan Indonesia (3.1%). Namun, kadar tersebut lebih tinggi berbanding China (0.1%) dan Thailand (-0.5%).

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Khamis, 25 April 2024**

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
25 APRIL 2024**

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 25 April 2024

Carta 1


Inflasi Keseluruhan Malaysia, Januari 2011 - Mac 2024



Nota: *Purata inflasi bagi tempoh Januari 2011 hingga Mac 2024


Carta 2

Inflasi Keseluruhan Malaysia, Inflasi Teras dan Inflasi Tanpa Bahan Api, Mac 2023 - Mac 2024



Carta 3


Inflasi bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Mac 2023 - Mac 2024



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 25 April 2024

Carta 4


Inflasi mengikut Kuadran, Februari 2024 & Mac 2024



Nota: Bermula Januari 2024, terdapat 62 item baharu dikemaskini dalam bakul IHP


Carta 5

Taburan Inflasi Makanan dan Bukan Makanan yang Meningkatkan ≤10%, Februari 2024 & Mac 2024



Carta 6


Purata Harga Petrol Tanpa Plumbum RON95, Petrol Tanpa Plumbum RON97 dan Diesel, Mac 2023 - Mac 2024



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 25 April 2024


Carta 7

Inflasi mengikut Kumpulan Utama, Februari 2024 & Mac 2024




Carta 8

Inflasi bagi Makanan & Minuman, Mac 2023 - Mac 2024




Carta 9

Inflasi mengikut Negeri, Februari 2024 & Mac 2024



Carta 10

Inflasi bagi Negara Terpilih, Mac 2023 – Mac 2024




Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 25 April 2024


Carta 11

Harga Komoditi Terpilih Global


Minyak Mentah (US\$/bbl)




Gas Asli (Indeks 2010=100)




Minyak Sawit Mentah (US\$/mt)




Jagung (US\$/mt)




Daging (US\$/kg)




Daging Ayam (US\$/kg)




Kacang Soya (US\$/mt)




Gandum (US\$/mt)



Gula (US\$/kg)



Minyak Kelapa (US\$/mt)



Harga komoditi dunia (AS\$) Peratus perubahan tahun ke tahun

Sumber: Commodity Monthly Prices, World Bank

Nota:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
CONSUMER PRICE INDEX, MALAYSIA
MARCH 2024**

Malaysia's inflation remained at 1.8 per cent in March 2024

PUTRAJAYA, 25 April 2024 – Malaysia's inflation remained at 1.8 per cent in March 2024 with the index points recorded at 132.2 as against 129.9 in the same month of the previous year. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today on the release of **CONSUMER PRICE INDEX (CPI), MARCH 2024**.

The increase of inflation in March 2024 was driven by Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (3.0%); Restaurant & Accommodation Services (3.0%); Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services (2.6%) and Transport (1.3%). However, the increase has been offset by the other main group which recorded a slower increase namely Health (2.1%); Food & Beverages (1.7%) and Recreation, Sport & Culture (1.5%).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, the increase of 3.0 per cent as compared to 2.7 per cent in February 2024 for Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels was contributed by the expenditure class of Water supply which increased to 31.4 per cent in March 2024 (February 2024: 28.8%). Kedah has increased the water tariff rates for domestic category users starting in March 2024 as compared to other states that have implemented the new tariff rates in February 2024.

The Food & Beverages group which contributes 29.8 per cent of the total CPI weight recorded a slower increase of 1.7 per cent in March 2024 (February 2024: 1.9%). The main subgroup of Food at home increased to 0.3 per cent

in March 2024 (February 2024: 0.5%). Meanwhile, the main subgroup of Food away from home increased 3.5 per cent, the same rate as registered in February 2024.

The expenditure class of Cereals & cereal products increased by 2.0 per cent in March 2024 (February 2024: 2.5%). This was contributed by Basmati rice which increased slower at 0.4 per cent as compared to 1.0 per cent in February 2024. Meanwhile, Rice flour inclined to 9.6 per cent (February 2024: 8.8%).

The inflation for the expenditure class of Milk, other dairy products & eggs registered a slower increase of 1.4 per cent in March 2024 (February 2024: 2.3%). The slower increase was recorded by expenditure item of Fresh milk 2.4 per cent (February 2024: 2.5%). Meanwhile, the inflation for the expenditure class of Oil & fats remained in the negative range at negative 0.1 per cent in March 2024 (February 2024: -0.2%).

The inflation for the expenditure class of Meat increased slower to 0.2 per cent in March 2024 (February 2024: 0.5%). Chicken as the largest component comprised of 32.6 per cent in the expenditure class of Meat recorded a decline of negative 1.1 per cent (February 2024:-0.7%). The average price of Standard chicken at Malaysia and in March 2024 was RM10.28 per kilogramme as compared to RM10.40 per kilogramme in March 2023 (February 2024: RM10.29).

The increase in inflation for Restaurant & Accommodation Services to 3.0 per cent (February 2024: 2.9%) due to the increase in Beverage preparation services, 3.7 per cent (February 2024: 3.4%). At the same time, inflation for Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services increased by 2.6 per cent (February 2024: 2.5%) due to the incline in the subgroup of Other personal item, 9.8 per cent (February 2024: 8.6%).

Other than that, inflation for Transport increased by 1.3 per cent in March 2024 as compared to 1.2 per cent in February 2024. The increase was due to the main subgroup of Operation of personal transport equipment which increased to 1.4 per cent in March 2024 (February 2024: 1.3%). The average price of Unleaded

petrol RON97 in March 2024 was RM3.47 per litre as against RM3.35 per litre in March 2023 (February 2024: RM3.47).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also said, with regards to inflation at the state level, most of the states recorded increases below the national inflation level of 1.8 per cent. However, five states recorded increases above the national inflation level namely Pulau Pinang (3.0%), Sarawak (2.9%), Pahang (2.1%), Selangor (2.1%) and Perlis (1.9%). All states registered an increase in the inflation of Food & Beverages. The highest increase was recorded by Selangor (3.2%), followed by Pulau Pinang (2.8%), Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.6%), Sarawak (2.1%), Perlis (2.1%) and Wilayah Persekutuan Labuan (2.0%). Meanwhile, other states showed an increase below the national inflation of Food & Beverages of 1.7 per cent in March 2024.

Overall, monthly inflation recorded a marginal increase of 0.1 per cent as compared to 0.5 per cent recorded in February 2024. A few main groups that posted increases on a monthly basis were Restaurant & Accommodation Services (0.4%); Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services (0.4%) and Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (0.3%). Meanwhile, inflation for the first quarter of 2024 recorded an incline of 1.7 per cent (Q4 2023: 1.6%). For quarterly comparison, Malaysia's inflation increased 0.7 per cent (Q4 2023: 0.2%). Meanwhile, core inflation increased slower at 1.7 per cent as compared to 1.8 per cent in February 2024. The increase was due to the Food & Beverages and Restaurant & Accommodation Services which both recorded increases of 3.0 per cent respectively in March 2024.

In comparison to inflation in other selected countries, inflation in Malaysia (1.8%) was lower than inflation in Vietnam (4.0%), Philippines (3.7%), United States of America (3.5%), Republic of Korea (3.1%) and Indonesia (3.1%). However, the rate is higher than China (0.1%) and Thailand (-0.5%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 25 April 2024

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
25 APRIL 2024**

Chart 1

Malaysia Headline Inflation, January 2011 - March 2024



Note: * Average inflation for the period of January 2011 to March 2024

Chart 2

Malaysia Headline Inflation, Core Inflation and Inflation without Fuel, March 2023 - March 2024




Chart 3

Inflation for Income Group Below RM3,000, March 2023 - March 2024





Chart 4

Inflation by Quadrant, February 2024 & March 2024



Note: Starting January 2024, 62 new items were updated in CPI basket

Chart 5

Distribution of Inflation for Food and Non-Food that Increased ≤10%, February 2024 & March 2024




Chart 6

Average Price of Unleaded Petrol RON95, Unleaded Petrol RON97 and Diesel, March 2023 - March 2024




Chart 7

Inflation by Main Group, February 2024 & March 2024




Chart 8

Inflation for Food & Beverages, March 2023 - March 2024




Chart 9

Inflation by State, February 2024 & March 2024




Chart 10

Inflation of Selected Countries, March 2023 - March 2024





Chart 11 **Global Selected Commodity Prices**



Global commodity price (US\$) Percentage change year-on-year **Source:** Commodity Monthly Prices, World Bank

Notes:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit